

27 FEB 2003

Dr Ling-MCA/I

ANGGOTA MCA JEMU DENGAN PENENTANGAN SECARA SEMBUNYI

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Anggota MCA semakin jemu dengan perselisihan yang berlaku dalam parti itu, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Saya rasa anggota parti sudah jemu dengan penentangan secara sembunyi itu. Anggota kita mesti bergerak ke depan, projek mesti berjalan, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) terlalu penting untuk dilemahkan oleh penentangan ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis presiden MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Dr Ling diminta mengulas kenyataan setiausaha agung parti, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh dalam akhbar harian hari ini bahawa parti itu masih berpecah kepada dua kumpulan dengan anggota parti berebut kuasa.

Dalam temubual dengan akhbar Sin Chew semalam, Ting bercakap mengenai penentangan secara tersembunyi terhadap kepimpinan parti manakala pelan damai yang diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, belum dapat menyelesaikan sepenuhnya konflik dalam parti itu.

Parti itu kini berpecah kepada "Team A" yang cenderung kepada presiden parti manakala "Team B" dikaitkan dengan timbalannya Datuk Seri Lim Ah Lek.

Ketika diminta menerangkan mengenai penentangan secara sembunyi dalam parti itu, Dr Ling berkata "penentangan itu semakin perlahan dan lebih mesra," tetapi bukan merupakan masalah kepada parti.

"Kami mempunyai agenda positif dan membina, anggota tidak akan mengikut agenda yang tidak konstruktif," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata parti itu tetapi berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana pelan damai itu membantu mengekalkan status-quo kepimpinan parti untuk tempoh tiga tahun lagi.

Mengenai mesyuarat majlis presiden hari ini, Dr Ling berkata pasukan petugas MCA yang diketuai anggota jawatankuasa pusat Datuk Hon Choon Kim akan dibentuk tidak lama lagi bagi menangani pertanyaan dan masalah yang berkaitan dengan kemasukan ke universiti. Hon ialah Timbalan Menteri Pendidikan.

Dr Ling berkata ia bertujuan membantu pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun lepas yang memperolehi keputusan baik dan memohon memasuki universiti tempatan.

"Pasukan petugas itu akan ditubuhkan di setiap negeri dengan masing-masing dibekalkan talian "hotline" untuk memudahkan pelajar menghubunginya," katanya.

Dr Ling juga mengumumkan bahawa Yayasan Chang Ming Thien yang dipengerusikan sendiri oleh Chan, memperuntukkan RM2 juta sebagai tabung pusingan untuk membantu pelajar miskin, tanpa mengira kaum, melanjutkan pelajaran di UTAR.

"Pinjaman yang tidak dikenakan faedah itu dikhaskan kepada pelajar dari keluarga miskin," katanya.

Dr Ling juga mengumumkan pelantikan lima pengerusi baru biro MCA.

Datuk Wong See Wah mengetuai Biro Publisiti, Tan Chai Ho (Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan), Datuk Chor Chee Heung (Hal Ehwat Antarabangsa), Datuk Lim Si Cheng (Biro Penyelaras Peringkat Parlimen) dan Chew Mei Fun (Biro Warga Tua).

-- BERNAMA

AT AHH LAT